


Rasuah: Hukuman bekas jurutera ditentukan Jumaat

SHAH ALAM 22 Nov. - Seorang bekas Jurutera Daerah, Jabatan Parit dan Saliran (JPS) Kuala Selangor yang sebelum ini dibicarakan atas tuduhan rasuah, hari ini menukar pengakuannya kepada bersalah menerima wang tunai RM10,000 yang dimasukkan ke dalam akaun peribadinya oleh seorang kontraktor.

Nor Rafidah Dan, 48, membuat pengakuan tersebut di hadapan Hakim Datuk Mariana Yahya. Mahkamah akan menjatuhkan hukuman ke atas tertuduh yang juga ibu kepada lima orang anak, Jumaat ini.



NOR RAFIDAH DAN

Tertuduh mengaku menerima wang tunai RM10,000 yang dimasukkan oleh Othman Mohamed ke dalam akaunnya tanpa sebarang balasan daripada lelaki terbabit sedangkan dia mengetahui ianya ada kaitan dengan tugas rasminya ketika itu.

Nor Rafidah mengaku melakukan perbuatan tersebut pada 14 Ogos 1999 di Bank Bumiputra Malaysia Berhad, Cawangan Wisma HICOM, Glenmarie di sini.

Dia yang dihadapkan pertama kali di mahkamah pada 15 Mei 2002 didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan.

Tertuduh boleh dihukum penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Fakta kes yang dikemukakan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Mohd. Hamzah Ismail menyebut, pembantu teknik kanan akan membuat sokongan ke atas permohonan daripada syarikat-syarikat, sebelum diluluskan oleh jawatankuasa yang dipengerusikan oleh tertuduh dalam kerja-kerja sebagai pengerusi pemilihan sebut harga.

Dalam hal tersebut, dia mengaku telah memberikan sebut harga projek kepada Pembinaan Hidayah, syarikat pemborong Kelas F milik Othman dan Perniagaan Azlin Abd. Aziz (milik adik ipar Othman) walaupun syarikat terbabit tidak berada dalam senarai sokongan.